

**SOALAN: 118**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN  
NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH]**

**TARIKH : 18 JULAI 2019**

**SOALAN NO.**

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kes Macau Scam yang berlaku sejak Januari hingga Mei yang lalu dan berapa jumlah kerugian serta siapakah sasaran utama sindiket.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tahun 2019 iaitu dari bulan Januari hingga 31 Mei 2019, sebanyak 1,825 kes *Macau Scam* telah dilaporkan dengan nilai kerugian yang direkodkan sebanyak RM 72,964,245.71. Daripada jumlah kes yang dilaporkan, sebanyak 1,002 kes melibatkan mangsa yang terdiri daripada wanita dan 823 kes yang dilaporkan melibatkan mangsa lelaki.

Berdasarkan siasatan ke atas kes-kes berkenaan, sindiket *Macau Scam* ini tidak mempunyai sasaran mangsa yang tertentu berikutan ia berlaku secara rawak dan sesiapa sahaja berkemungkinan akan menjadi mangsa. Siasatan juga mendapati individu yang mudah menjadi mangsa adalah individu yang cepat berasa panik dan percaya dengan kata-kata sindiket.